

02/LTAKK/2025



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

CUBAAN MEMASUKI SABAH OLEH WARGANEGARA FILIPINA MELALUI DUA PINTU MASUK NEGARA BERASINGAN BERJAYA DIGAGALKAN

KOTA KINABALU, 5 Ogos 2025 – Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK), Sabah telah berjaya menahan dua orang warganegara Filipina, masing-masing seorang lelaki dan seorang perempuan berusia 27 tahun daripada memasuki Sabah secara tidak sah oleh pihak berkuasa yang tiba melalui penerbangan antarabangsa.

Hasil pemantauan dan pemeriksaan yang dijalankan, kedua-dua individu terbabit tidak memenuhi syarat kemasukan sebagai pelawat asing ke Malaysia yang mana mereka telah cuba memasuki negeri ini melalui Pelabuhan Sandakan pada 31 Julai 2025, namun ditolak kemasukan serta dikeluarkan Notis Penolakan Masuk (NPM). Mereka kemudiannya cuba memasuki Sabah semula melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) pada 5 Ogos 2025 dengan menaiki pesawat Z2 501 dari Manila dan telah dibawa ke Pejabat Operasi Imigresen untuk menjalani saringan dan semakan dokumen perjalanan.

Siasatan awal menunjukkan bahawa kedua-dua individu tersebut telah menggunakan modus operandi yang sama, iaitu cubaan memasuki Sabah melalui pintu masuk udara selepas ditolak kemasukan melalui pintu masuk laut. Antara alasan penolakan kemasukan mereka adalah seperti berikut:

- Telah dikeluarkan NPM oleh Pejabat Imigresen Pelabuhan Sandakan;
- Tidak memenuhi syarat-syarat kemasukan ke Negeri Sabah.

Berdasarkan hasil pemeriksaan dokumen perjalanan, kedua-dua individu berkenaan telah dikeluarkan semula Notis Penolakan Masuk (NPM) dan diserahkan kepada pihak syarikat penerbangan untuk tindakan penghantaran pulang ke negara asal.

Pihak AKPS menyeru agar semua warga asing yang berhasrat melancong ke Malaysia mematuhi segala peraturan dan syarat kemasukan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kesulitan semasa ketibaan.

Cubaan kemasukan tidak sah ini telah berjaya digagalkan hasil kecekapan dan pemantauan rapi oleh pihak AKPS. Usaha pemantauan akan terus dipertingkatkan bagi memastikan tahap keselamatan sempadan sentiasa berada pada tahap tertinggi.

Langkah-langkah penguatkuasaan juga akan terus dilaksanakan secara berkala sebagai strategi proaktif dalam menangani ancaman sindiket penyeludupan manusia dan penyalahgunaan kemudahan Pas Lawatan Sosial.

Gambar berkaitan:

https://drive.google.com/drive/folders/14Da97fWgL9qL87r6gLQz42XB8D7N20_X?usp=sharing

TAMAT

5 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI